

# Pembangunan musnah jika sokong tindakan militan

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, segala perancangan dan program pembangunan yang disusun untuk kemajuan negara akan musnah jika rakyat mengamalkan sikap melampau dan menyokong segala tindakan militan.

Menurut Perdana Menteri, rakyat perlu sedar bahawa antara prasyarat utama dalam usaha melangkah ke hadapan ialah keamanan dan kedamaian yang berkekalan.

Katanya, walaupun ekonomi Malaysia berada pada landasan yang kukuh tetapi masih wujud beberapa cabaran dalam negara yang belum selesai.

“Ini termasuklah isu keganasan dan ancaman kepada perpaduan yang wujud sejak akhir-akhir ini,” katanya ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kemajuan yang telah dicapai oleh negara sehingga kini bukan datang bergolek dan juga bukan kerana negara mempunyai sumber alam yang banyak.

Katanya, ia dicapai hasil daripada perancangan, dasar dan strategi, kecekapan

pentadbiran, usaha gigih rakyat dan tidak kurang pentingnya ialah kerana wujudnya keamanan dan kestabilan dalam negara sejak empat dekad lalu.

Justeru itu, tegasnya, kerajaan tidak akan membenarkan sikap melampau atau ekstremisme bertapak di negara ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai sistem demokrasi tulen dan melaluinya setiap rakyat berhak memilih pemimpin melalui peti undi secara aman tanpa perlu mencekutkan huru-hara.

“Sesungguhnya, ekstremisme tidak ada tempat di negara ini,” tegasnya.

Dr. Mahathir menambah, sikap melampau juga bercanggah dengan prinsip ajaran semua agama apatah lagi agama Islam yang sentiasa menanamkan sikap cintakan hubungan kemanusiaan dan kesejahteraan.

Katanya, Islam tidak suka kepada orang yang mencetuskan kacau-bilau, malah, Islam mengajar umatnya supaya berbaik-baik dengan semua kaum dan agama.

“Selagi orang lain tidak bermusuhan dengan kita, kita harus berbuat baik dan

berlaku adil kepada mereka (semua orang),” jelasnya.

Beliau mengingatkan bahawa serangan pengganas yang dahsyat ke atas Amerika Syarikat adalah bukti bahawa sikap melampau boleh memberi kesan kepada ekonomi, politik dan keselamatan.

Katanya, pertumbuhan ekonomi dunia yang mula menurun pada waktu itu menjadi semakin serius sekarang dan dijangka berpanjangan dalam tempoh yang lebih lama selepas serangan itu.

Bagaimanapun, tegas Dr. Mahathir, Malaysia tidak bersetuju tindakan ketenteraan digunakan untuk membanteras kegiatan pengganas kerana risikonya terlalu besar.

“Perang bukanlah langkah bijak untuk menangani keganasan kerana lebih banyak nyawa akan terkorban, lebih banyak aset musnah dan lebih ramai yang menderita. Tindakan ketenteraan semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah keganasan, sebaliknya akan memburukkan lagi ekonomi dunia yang sudah pun buruk,” katanya.